



PERSATUAN AIR MALAYSIA (The Malaysian Water Association)

No. 24, Second Floor, Jalan Sri Hartamas 8, Taman Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: (603) 6201 2250 / 6201 9521 Fax: (603) 6201 5801 Website: www.mwa.org.my

**Persatuan Air Malaysia
(The Malaysian Water Association)**

Kenyataan Akhbar

5 Oktober 2021

ISU UTAMA:

- 1. MWA gesa pelaksanaan segera penyelarasan tarif air yang adil dan telus di seluruh negara**
- 2. MWA saran tingkatkan penglibatan NGO dan orang awam dalam menjayakan usaha melestari sumber air**

Menyedari peri pentingnya perkhidmatan air dan pembedaan pada setiap masa, lebih-lebih lagi ketika berlaku wabak, Persatuan Air Malaysia (MWA) menyambut baik saranan YB Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk menyemak dan menyelaraskan tarif air dan pembedaan agar tidak membebankan rakyat melalui Mekanisma Penetapan Tarif (TSM) yang adil, telus dan sistematik. Semakan ini tidaklah untuk membebankan pengguna tetapi untuk memastikan industri air ini mampan dan dapat ditingkatkan lagi. MWA bimbang dengan beberapa kejadian yang berkait dengan keupayaan kewangan operator menyediakan perkhidmatan dan menyenggara fasiliti secukupnya sekiranya masih tidak pernah diselaraskan hampir 40 tahun.

MWA melihat langkah Kerajaan ini selaras dengan objektif penstrukturan industri air (termasuk pembedaan) untuk menjadikan industri ini mampan dan mandiri. Melalui penyelarasan tarif, industri ini akan mampu untuk keluar dari belenggu kewangan yang menyekat peningkatan tahap perkhidmatan yang diberikan. MWA dimaklumkan tentang hasil sesi konsultasi awam yang dilaksanakan oleh operator air di beberapa negeri bersama SPAN menunjukkan kesediaan rakyat membayar lebih sekiranya tahap perkhidmatan berada pada tahap yang lebih baik dari sekarang. Penemuan ini adalah penting supaya penyelarasan tarif tidak akan menimbulkan bebanan yang tidak wajar kepada pengguna domestik yang menggunakan air hanya untuk keperluan asas. Namun bagi pengguna yang kurang berhemah dan menggunakan air secara boros dan berlebihan, tarif yang lebih tinggi perlu ditetapkan sebagai "deterrent" kepada amalan membazir itu. Pengguna komersil di beberapa negeri pada masa ini hanya membayar amaun yang terlalu minimum berbanding keuntungan dari perniagaan mereka, lebih-lebih lagi pengguna komersil yang menjadikan air sebagai bahan mentah dalam perniagaan mereka. Keadilan yang menjadi teras penyelarasan tarif dalam TSM baru diharap akan dapat dilaksanakan sebaiknya demi kelestarian industri perkhidmatan air di negara kita ini. Penerimaan rakyat sebagai pengguna air bagi penyelarasan tarif mestilah diimbangi dengan perkhidmatan bekalan air yang lebih baik. MWA berharap pelarasan tarif ini dilaksanakan secara paling efektif dan tidak membebankan rakyat terbanyak yang baru keluar dari episod pandemik COVID-19 supaya penambahbaikan dalam amalan sedia ada dapat dilaksanakan. MWA faham bahawa terdapat beberapa negeri yang

mana tarifnya tidak pernah di selaras sejak tahun 1980an. Hal ini adalah tidak adil bagi operator yang telah mengalami beberapa kali kenaikan tarif elektrik sejak tarif air lama digunakan. Ini ditambah lagi dengan kenaikan harga bahan mentah dan kadar inflasi.

MWA juga mengalu-alukan pembentangan RMK-12 oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini yang menekankan kepada peningkatan kecekapan pengurusan, mengoptimumkan potensi sumber sedia ada dan pengujudan peluang pekerjaan baru melalui transformasi sektor air. Tambahnilai tadbir urus sektor air melalui pemerksaan penglibatan rakyat dan NGO adalah ruang baru yang ditawarkan oleh Kerajaan selaras dengan konsep *Keluarga Malaysia* yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Adalah diharap semangat ini dapat diterjemahkan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan, penurunan kadar penggunaan air dan pembaziran, pengurangan kadar kehilangan hasil air (NRW) dan peningkatan pelaburan dan daya saing di dalam sektor bekalan air dan pembetulan setanding pembekal utiliti lain seperti tenaga dan telekomunikasi.

MWA baru sahaja melabuhkan tirai persidangan utamanya, Malaysian International Water Convention 2021 yang julung kali dikendalikan secara maya, dengan rumusan tentang pentingnya industri ini dipertingkatkan melalui peningkatan keupayaan modal insan, penggunaan teknologi cekap dan pengurusan efektif serta bergerak ke arah IR4.0. Ini semua hanya mungkin sekiranya industri ini dapat kekal mampan dengan tarif yang bersesuaian menjadi kunci utama. Kejayaan akan terhasil sekiranya rakyat sebagai pengguna air menyokong perancangan jangka panjang Kerajaan untuk menjamin kelestarian bekalan air dan pembetulan di negara ini. Sektor air perlu berubah wajah dari sekadar perkhidmatan perlu kepada perkhidmatan strategik, pemangkin ekonomi serta penentu jaminan sekuriti bagi negara ini.

Sebagai noktah akhir, perkembangan penting kepada langkah memulihkan ekonomi dialu-alukan. Banyak negeri telah berubah kepada Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara yang akan menyaksikan sektor perniagaan akan kembali rancak. Namun sebagai langkah pengawalan sendiri, pematuhan SOP merupakan kunci kepada kejayaan pelaksanaan langkah pemulihan ekonomi pasca Pandemik COVID-19. Sebagai industri yang terpenting sepanjang tempoh pandemik, industri air akan terus berada pada barisan hadapan memberikan perkhidmatan air dan pembetulan sekalipun masih terdapat sebilangan pekerja sektor ini belum mendapat dos lengkap vaksin bagi menghentikan penularan virus ini. Kepada yang sudah lengkap dan yang belum lengkap vaksinasi didoakan semua anda dipelihara dari dijangkiti penyakit COVID-19.



Dr. Ir. Ts. Hj. Mohmad Asari Daud
Presiden
Persatuan Air Malaysia (MWA)

**THE MALAYSIAN WATER ASSOCIATION
(Persatuan Air Malaysia)**

Press Release

5 October 2021

KEY ISSUES:

- 1. MWA urges the immediate implementation of fair and transparent water tariff nationwide**
- 2. MWA recommends more NGO involvement and public participation in ensuring sustainability of water resources**

Always recognising the importance of water and sewerage services, especially during this pandemic, the Malaysian Water Association (MWA) welcomes the commitment of the Minister of Environment and Water (KASA) to review and coordinate water and sewerage tariffs so as not to burden the people through fair, transparent and systematic Tariff Setting Mechanism (TSM). This review need not necessarily burden low-income group, yet, ensuring the sustainability of water industry move further toward better service. MWA is concerned about a number of incidents which is related to the financial ability of operators to provide adequate measures to maintain facilities and ensuring excellent services with tariffs not adjusted for almost 40 years.

MWA perceives the Government's move as being in line with the objective of restructuring the water industry (which includes sewerage) towards making this industry sustainable and self-sufficient. Through tariff adjustment, the industry will be able to break out from the financial constraints that restrict the improvement in the level of services provided. MWA was informed that the results of Public Consultation sessions conducted by water operators in several states with SPAN showed the public is willing to pay more if the level of service could be further improved. These findings are important, knowingly that tariff adjustments will not pose undue burden on domestic consumers who use water only for basic needs. However, for consumers who are less prudent and use water wastefully and excessively, higher tariffs should be set as a "deterrent" to such wasteful practices. Commercial consumers in some states currently pay only a very minimal amount compared to the profits from their businesses, especially commercial consumers who used water as a raw material in their businesses. It is hoped that fairness, which is the core of tariff adjustment in the new TSM, will be ensured for the sake of the sustainability of the water services industry in our country. The **public** acceptance for tariff adjustment must be balanced with improved water supply and sewerage services. MWA hopes that this tariff adjustment is implemented most effectively and does not burden most people who have just come out of the COVID-19 pandemic episode. However, tariff adjustment is imperative to enable improvements in existing services can be implemented. MWA understands that there are some states whose tariffs have not been reviewed since the 1980s. This is unfair for operators who have experienced several increases in electricity tariffs since then. This is further compounded by increasing prices of chemical and other materials used alongside the inflation rates.

MWA also welcomed the announcement of the 12th Malaysia Plan by the YAB Prime Minister recently which emphasised on increasing management efficiency, optimising the potential of existing resources and creating new jobs through the transformation

of the water sector. Adding value to the governance of the water sector through the empowerment of public and NGO participation is a new space offered by the Government in line with the concept of the *Keluarga Malaysia* introduced by the YAB Prime Minister recently. It is hoped that this spirit can be translated into improved service efficiency, reduced water consumption and waste, reduced non water revenue (NRW) and increased investment and competitiveness in the water supply and sewerage sector on par with other utility providers such as energy and telecommunications.

MWA has just concluded its major virtual event, the Malaysian International Water Convention 2021, with a resolution of enhancing the industry through increased capacity building, efficient technology and effective management as well as moving towards IR4.0. This all is only possible if the industry can remain sustainable with right water and wastewater tariffs being the key. This will be achieved if the public at large, as water consumer, supports the Government's long-term plan to ensure the sustainability of this industry. The water sector needs to change its status from merely a commodity or necessity, to a strategic service, an economic catalyst as well as a determinant of national security.

As a final point, current measures taken by the Government towards economic recovery are welcome. Many states have moved to Phase 3 of the National Recovery Plan which will see the business sector recuperated. However, as a self-regulatory measure, compliance with SOPs is key to the successful implementation of the COVID-19 post-pandemic economic recovery measures. As the most important industry during the pandemic period, the water industry will continue to be at the forefront of providing water and sewerage services even though there are still some workers in this sector who have not received a complete dose of vaccines.



Dr. Ir. Ts. Hj. Mohmad Asari Daud
President
The Malaysian Water Association (MWA)

Address:

No. 24-2, Second Floor, Jalan Sri Hartamas 8, Taman Sri Hartamas,
50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-6201 2250 / 013-3377959

(Please contact Ms. Rubby Mahmud for any further clarification)

MWA COUNCIL MEMBERS 2021-2023 SESSION

President

Dr. Ir. Ts. Hj. Mohmad Asari bin Daud

Immediate Past President

YBhg. Datuk Ir. Abdul Kadir bin Mohd Din, FASc

Deputy President
Mr. Mohamad Hairi bin Basri

Vice Presidents
Ir. Ts. Hj. Mohamad Hanifa bin Hj. Abdul Hamid, FASc
Mr. Shamsul Fahmi bin Mohamad Padzli

Hon. Secretary General
Mr. Desmond Lim Meng Keat

Hon. Treasurer General
Mr. Adam Saffian bin Ghazali, FCA

Council Members

- Ir. Zulkiflee bin Ab Hamid
- Assoc. Professor Dr. Norhayati Abdullah
- Mdm. Hjh. Fadzilah binti Abdul Kadir
- Ms. Noor Hidayah binti Sanusi
- Prof. Dr. Mohd. Razman bin Salim
- Ir. Ellias bin Saidin
- Ir. Tham Yee Kiong
- Mr. Hj. Mansor bin Abdul Ghani
- Ir. Zolkarnain bin Abd Ranim
- Mr. Narendran A/L Maniam
- Ir. Syed Mohamed Adnan bin Mansor Alhabshi
- Ir. Chang Kuet Shian
- Mdm. Amy Yew Sze Kiat